

D250

U B458 BAH  
MAHATHIR - LAYAN

JOHOR BAHRU, 16 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN BOLEH MELAYAN TUNTUTAN SEMUA KAUM SELAGI TUNTUTAN ITU TIDAK KETERLALUAN.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN TIDAK DAPAT MELAYAN TUNTUTAN YANG BUKAN-BUKAN DAN BERSIFAT BERLEBIH-LEBIHAN, KATANYA SEMASA MELANCARKAN PELAN EKONOMI JOHOR 1990-2005 DI PUSAT ISLAM DI SINI.

KATANYA, ADA PIHAK MENUNTUT YANG BUKAN-BUKAN SEPERTI MENAIKKAN ROYALTI MINYAK, STESEN TELEVISYEN SENDIRI DAN UNIVERSITI SENDIRI DAN INI TIDAK BERPATUTAN.

+ADA ORANG MENUNTUT ROYALTI MINYAK 10 PERATUS, STESEN TV SENDIRI DAN UNIVERSITI SENDIRI... KITA TIDAK BOLEH BAGI,+ KATANYA.

BELIAU SEBALIKNYA BERKATA, KEKAYAAN NEGARA HENDAKLAH DIAGIH-AGIHKAN KEPADA SEMUA PIHAK MEMANDANGKAN MASIH BANYAK LAGI NEGERI YANG MISKIN.

+JIKA KITA MENGANGGAP KITA ORANG MALAYSIA, KITA HENDAKLAH SANGGUP AGIHKAN KEKAYAAN KEPADA SEMUA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

1604MST 16 10 90

D256

U B462 BAH  
MAHATHIR - LAYAN 2 JOHOR BAHRU

+KITA GUNAKAN (HASIL) MINYAK UNTUK DIAGIH-AGIHKAN... BANYAK LAGI NEGERI YANG MISKIN YANG HENDAK DIBANTU,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA, SECARA KEBETULAN HASIL MINYAK TERDAPAT BERHAMPIRAN SESEBUAH TETAPI INI BUKANLAH SATU-SATUNYA KURNIAAN YANG KHUSUS UNTUK NEGERI ITU.

+KEBETULAN MINYAK ADA DI SITU. BUKAN SATU-SATU KURNIAAN UNTUK MEREKA.+

PERDANA MENTERI JUGA MENYIFATKAN MANIFESTO SEMANGAT 46 SEBAGAI HASIL CIPTAAN +PAK PANDIR+ YANG ANTARA LAIN MENJANJIKAN ELAUN KENANG JASA \$100 SEBULAN KEPADA YANG BERUMUR LEBIH 55 TAHUN,DAN TIDAK BEKERJA, HUTANG TANPA FAEDAH DAN PENGHAPUSAN CUKAI JALAN.

KATANYA, RANCANGAN SEMANGAT 46 UNTUK MENGURANGKAN KUTIPAN CUKAI SERTA PEMBERIAN ELAUN DAN PENGHAPUSAN CUKAI TERTENTU, JIKA DILAKSANAKAN, AKAN MELIBATKAN PERTAMBAHAN BELANJA KERAJAAN SEKURANG-KURANGNYA \$4,000 JUTA SETAHUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KESEMUAANYA ITU HANYA DAPAT DILAKUKAN MENERUSI DUA CARA IAITU BERHUTANG DAN +GADAI NEGARA+ SEHINGGA BANK DUNIA DAN KREDITOR LAIN MENJADI PENASIHAT ATAU MEWUJUDKAN +KILANG CETAK WANG.+ -- BERNAMA.

1615MST 16 10 90